

BAB 2

SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA DAN PENILAIAN BUKU TEKS

Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada lima bahagian utama, iaitu hurai sejarah perkembangan pendidikan Cina di Malaysia, ciri-ciri mata pelajaran bahasa Cina, penelitian objektif pengajaran dan sukanan pelajaran bahasa Cina, analisis tentang faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Cina, dan akhirnya tinjauan terhadap kajian yang berkaitan.

2.1 Sejarah Ringkas Perkembangan Pendidikan Di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum yang bertutur dalam pelbagai bahasa dan ada budaya tersendiri. Selama ini, kaum Melayu, Cina, dan India hidup bermasyarakat di Malaysia. Oleh sebab latar belakang masyarakat dan asal-usul budaya yang berlainan, kaum-kaum di Malaysia masing-masing mempunyai persepsi sendiri terhadap sesetengah perkara, misalnya sistem pemerintahan, ekonomi, kebudayaan, dan pendidikan.

Sebelum perbincangan buku teks dimulakan, penyelidik terlebih dahulu ingin menyentuh latar belakang pendidikan Cina di Malaysia agar proses penubuhan sekolah menengah persendirian Cina, tujuan pendidikan Cina dan ciri-ciri buku teks dapat dikenal pasti .

Sebelum abad ke-20, cuma wujud pendidikan Cina tradisional di Malaya (iaitu Semenanjung Malaysia kini). Pada tahun 1904, di bawah pimpinan seorang pengawai akademik kerajaan China, iaitu Zhang Bi Shi, sekolah Cina pertama di Malaya ditubuhkan di Pulau Pinang⁴. Selepas itu, pendidikan Cina mula diperkembangkan oleh masyarakat Cina.

Pada tahun 1911, revolusi yang tercetus di negara China berjaya menukarkan sistem pemerintahan di-Raja kepada pemerintahan republik. Menerusi revolusi tersebut, pendidikan Cina di Malaya turut dipengaruhi lalu berkembang pesat atas dorongan golongan intelektual dari negara China.

Pada tahun 1917, kempen menggunakan bahasa Cina moden (Baihua) telah giat dijalankan di negara China. Sekolah Cina di Malaya turut dipengaruhi lalu menggantikan dialek Cina dengan bahasa kebangsaan negara China sebagai pengantar pengajaran. Penyeragaman bahasa pengantar pengajaran menyebabkan penubuhan sekolah Cina secara semakin giat. Jumlah sekolah Cina di

⁴ Kenyataan ini jelas kelihatan dari "Sejarah Perkembangan Pendidikan di Malaya dan Singapura" oleh Wang Xiu Nan (1974 : 13).

Semenanjung Malaysia pada tahun 1918 telah mencapai angka tiga ratus lebih⁵.

Sistem pendidikan, bahasa pengantar dan objektif pendidikan sekolah Cina di Malaya pada masa itu didapati berasaskan sistem pendidikan negara China. Malahan buku teks dan bahan pengajaran yang digunakan turut berasal dari negara China. Kerajaan penjajah British ketika itu telah mengamalkan dasar laissiz faire terhadap keadaan ini, iaitu tidak bercampur tangan dalam hal pendidikan orang-orang Cina.

Sehinggalah tahun 1920, kerajaan penjajah British mula mengawal pendidikan Cina melalui Ordinan Pendaftaran Sekolah Cina dengan mendaftarkan semua nama pengajar dan mula mengarah pegawai-pegawai British untuk mengawasi segala aktiviti yang dijalankan di sekolah-sekolah Cina. Keadaan ini timbul kerana kerajaan penjajah British berasa bimbang jika sekolah Cina diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu untuk ideologi politik, memandangkan terdapat segelintir guru dan pelajar yang beria-ia dengan ideologi politik China. Pada pendapat kerajaan penjajah, masyarakat Cina yang memegang keupayaan ideologi politik China mungkin menimbulkan masalah kepada masyarakat Malaya pada masa akan datang. Langkah kawalan pihak penjajah British itu menerima bantahan kuat daripada kaum Cina. Namun, kerajaan penjajah British tetap melaksanakan kawalannya terhadap perkembangan sekolah-sekolah Cina di Malaya.

⁵ "Masalah-masalah Yang dihadapi Oleh Orang Cina Di Malaysia" oleh Yang Jian Cheng (1982-129).

Menurut maklumat dalam laporan Jawatankuasa Tinggi Pendidikan Malaya pada 1937, jumlah pelajar yang seramai 86,289 orang di sekolah Cina pada masa itu merupakan dua kali ganda pelajar yang terdapat di sekolah Inggeris (lihat Jadual 2). Pada zaman penjajahan Jepun pula, pendidikan Cina terbantut sama sekali akibat perang. Tempoh tersebut telah membantu perkembangan pendidikan Cina di negara ini (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Jumlah Pelajar dan Sekolah di Semenanjung Malaysia Sebelum dan Selepas Penjajahan Jepun Pada Tahun-tahun 1950-an

Tempoh	1941		Penjajahan Jepun 1942-1945		1946	
	Jenis Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar	Jumlah Sekolah
Sekolah Cina	370	38,000	21	2,543	125	46,699
Sekolah Inggeris	81	27,000	36	5,000	51	23,821
Sekolah Melayu	29	5,800	22	4,572	26	5,551
Sekolah Tamil	18	11,000	8	789	44	538

Sumber: Xu Yun Qiao, 1984 “Xin-Ma Hua Ren Kang Ri Shi Liao” (Maklumat Sejarah Penentangan Penjajahan Jepun oleh masyarakat Cina di Singapura dan Malaya, 1937 – 1945), Singapura 1984, ms 52.

Setelah Jepun mengundur diri dari Malaya pada tahun 1945, masyarakat Cina sekali lagi bergiat mengusahakan sekolah Cina di Malaya (lihat

Jadual 2). Walau bagaimanapun, usaha memperkembangkan semula pendidikan Cina selanjutnya didapati tetap kurang lancar.

Apabila kerajaan British kembali memerintah Malaya selepas Perang Dunia II, keadaan politik Malaya telah mengalami perubahan baru akibat kesedaran orang Melayu terhadap politik. Pihak kerajaan British telah menetapkan dasar pendidikan baru berdasarkan “Perlembagaan Persekutuan Malaya” yang diumumkan olehnya. Pada Mei 1950, Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Pusat yang ditubuhkan pada 1949 telah mengemukakan laporan tentang cadangan bahawa sistem pemerintahan kerajaan mestilah disampaikan melalui jenis sekolah rendah Inggeris, dan bahasa Melayu dibenarkan sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah. Di sekolah menengah pula, bahasa Inggeris perlu ditetapkan sebagai bahasa pengantar pengajaran. Cadangan ini ditentang keras oleh pemimpin-pemimpin Melayu.

Setelah laporan itu ditolak, dua buah lagi laporan pendidikan telah dikemukakan. Salah satu daripadanya ialah “Laporan Barnes” (1950) tentang pendidikan Melayu, yang satu lagi ialah “Laporan Fenn-Wu” (1951) tentang pendidikan Cina. Laporan Barnes telah menyemak semula masalah pendidikan Melayu dan mencadangkan agar sistem pendidikan harus berasaskan kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, supaya rakyat dapat menguasai dua bahasa rasmi dalam negara. Namun, cadangan ini dibantah kuat oleh masyarakat Cina.

Pada tahun yang sama, Persatuan Guru-guru Sekolah Cina di Kuala Lumpur telah menggesa Wakil Persatuan Guru-guru Sekolah Cina di negeri-negeri lain di Malaya untuk mengemukakan “Memorandum Pendidikan Cina Persekutuan Malaya” untuk menentang Laporan Barnes. Selain itu, Gabungan Persatuan Guru-guru sekolah Cina Malaya (Jiao Zong)⁶ turut ditubuhkan demi menyatupadukan usaha golongan pengajar Cina. Pada 25 Disember 1951, Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina berjaya ditubuhkan dan mencadangkan agar bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris, dan bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda berbilang kaum diberi layanan yang sama dan disenaraikan sebagai bahasa rasmi. Selain itu, disarankan juga supaya pendidikan Cina diterima sebagai salah satu aliran pendidikan di negara kita.

Untuk menenangkan emosi masyarakat Cina, kerajaan British telah mengarahkan satu jawatankuasa kecil untuk mengemukakan satu laporan yang lain, iaitu Laporan Fenn-Wu yang secara khusus meneliti tentang soal pendidikan Cina di Malaysia. Laporan ini menyeru kerajaan penjajah British dan kaum Melayu agar mengamalkan sikap terbuka dalam soal membina sistem pendidikan dan kebudayaan negara. Walaupun paduan agar sekolah Cina diterima sebagai salah satu aliran dalam pendidikan negara tidaklah dinyatakan dengan jelas, tetapi ia menandakan hasrat masyarakat Cina yang mahukan bahasa ibunda mereka diterima dalam sistem pendidikan negara. Walaupun Laporan Fenn-Wu

⁶ Dikenali sekarang sebagai Gabungan Persatuan Guru-guru sekolah Cina Malaysia selepas penubuhan Malaysia. Ia bertanggung jawab menjalani tugas hal-ehwal Jawatan Sekolah Rendah sejak tahun 1994. Pemimpin-pemimpin dan guru guru sekolah menengah persendirian Cina dan sekolah rendah Cina dianggap sebagai ahli terutama.

menegaskan kepentingan pendidikan Cina dan bercadang supaya kerajaan mengakui pendidikan Cina lalu membantu dalam memajukan pendidikan sekolah Cina, akan tetapi, Akta Pendidikan 1952 terus menerima cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Barnes, dengan mengisyiharkan bahawa sekolah kebangsaan akan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pangantar pengajaran untuk mengantikan sekolah Cina dan sekolah Tamil.

Pada tahun 1954, menerusi Akta Pendidikan 1954, kerajaan penajah British telah mencadangkan bahawa pelajar yang cukup usia belajar di mana-mana kawasan diwajibkan belajar di sekolah kebangsaan. Cadangan tersebut ditentang hebat oleh kaum Cina. Selanjutnya, wakil dari pihak sekolah Cina di Semenanjung Malaya mengadakan mesyuarat dengan Wakil MCA (Malayan Chinese Association)⁷ dan berbincang tentang hal yang berkenaan. Pada 22 Ogos 1954, Persekutuan Lembaga Pengurus Persatuan Sekolah Cina di Malaya (Dong Zong)⁸ telah ditubuhkan secara rasmi. Pertubuhan ini telah berusaha bersungguh-sungguh supaya kerajaan menerima bahasa Cina, bahasa Melayu, dan bahasa Tamil sebagai bahasa rasmi, serta memelihara hak budaya, pendidikan dan bahasa kaum Cina di Malaya.

Setelah Kerajaan Perikatan mengambil alih kuasa pemerintahan di Malaya

⁷ Parti politik golongan Cina yang ditubuhkan pada tahun 1950. Dikenali sekarang sebagai "Malaysian Chinese Association" atau "Persatuan Cina Malaysia" yang bertujuan menyatupadukan usaha dan memelihara hak masyarakat Cina di Malaysia. Terdapat tujuh ratus ribu angota MCA di seluruh Malaysia pada masa kini.

⁸ Dikenali sekarang sebagai Persekutuan Lembaga Pengurus Persatuan Sekolah Cina. Ia dianggap satu persekutuan yang terutama demi memelihara dan memperkembangkan pendidikan bahasa Cina di seluruh Malaysia. Ia bertanggung jawab menjalankan tugas hal-ehwal Jawatankuasa Sekolah Menengah Persendirian Cina sejak tahun 1973.

pada tahun 1955, satu laporan pendidikan yang baru, iaitu Laporan Razak telah diumumkan pada tahun 1956. Laporan Razak telah memberi cadangan bahawa dalam tempoh 10 tahun, dua jenis persekolahan peringkat rendah akan diwujudkan, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar.

Pada tahun 1960, kerajaan telah mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1957 melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman bin Talib. Laporan jawatankuasa tersebut telah dinamakan sebagai Laporan Rahman Talib. Mengikut Laporan ini, pada peringkat menengah, penubuhan dua jenis sekolah telah dicadangkan, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Matlamat akhir yang ingin dicapai adalah untuk menempatkan semua kanak-kanak berbilang kaum di bawah sistem pendidikan yang sama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pengajaran. Dengan kata lain, dasar ini bertujuan mengamalkan sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa dan satu aliran. Salah satu cadangan Laporan Rahman Talib ialah subsidi kerajaan akan diberikan kepada sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh diajar sebagai salah satu mata pelajaran. Laporan Rahman Talib telah diluluskan pada Ogos 1960 dan dimaktubkan menjadi Akta Pelajaran 1961 pada Oktober 1961. Akta ini mengandungi beberapa perkara, antara lain untuk menjamin kanak-kanak berbilang kaum berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, dan membahagikan sekolah menengah kepada dua jenis seperti yang berikut:

- Jenis Pertama: Sekolah kebangsaan yang umumnya terdiri daripada pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- Jenis Kedua : Sekolah jenis kebangsaan yang umumnya terdiri daripada pelajar Cina dan pelajar India, yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil dijadikan salah satu mata pelajaran sekolah.

Bermula dari tahun 1962, kerajaan telah mengumumkan bahawa subsidi penuh hanya diberi kepada dua jenis sekolah tersebut. Dengan keadaan demikian, sekolah menengah Cina diberi dua pilihan, iaitu sama ada menerima penukaran sistem menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan yang diberi subsidi penuh, atau berdikari dan hanya perlu mengikuti peraturan kerajaan. Pada Januari 1962, Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa sebanyak 54 buah sekolah menengah Cina telah bersetuju menerima penukaran sistem, jumlah yang selebihnya iaitu 16 buah sekolah menengah Cina yang lain pula enggan menerima subsidi kerajaan dan telah menjadi sekolah menengah persendirian.

2.2 Proses Penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina

Sebelum tahun 1961, selain daripada sekolah rendah Cina, terdapat lebih kurang 70 buah sekolah menengah Cina yang menggunakan bahasa Cina


sebagai bahasa pengantar di Semenanjung Tanah Melayu.⁹ Kebanyakan sekolah ini ditubuhkan oleh masyarakat Cina dengan sedikit bantuan subsidi daripada kerajaan.

Pada tahun 1962, setelah kerajaan melaksanakan Akta Pendidikan 1961, sekolah menengah Cina didapati menghadapi masalah sumber kewangan dalam menyelenggarakan aktiviti pendidikan. Tambahan pula, terdapat ahli-ahli politik tempatan yang memuji-muji faedah menerima subsidi kerajaan dan menjamin bahawa 1/3 daripada pelajaran di sekolah akan diajar dengan bahasa Cina setelah penukaran sistem. Akhirnya, sebanyak 54 buah sekolah menengah Cina bertukar status menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar¹⁰. Sebanyak 16 buah sekolah menengah Cina yang lain pula menjadi sekolah menengah persendirian Cina kerana berkeras dengan pendirian untuk mengekalkan cara pendidikan tradisional dan menolak subsidi kerajaan. Proses perubahan ini dapat diperlihatkan menerusi Jadual 3 berikut:

⁹ Kenyataan ini jelas kelihatan dari "Sejarah Perkembangan Pendidikan di Malaya dan Singapura" oleh Wang Xiu Nan (1974 : 13).

¹⁰ Pada 1980-an, sekolah-sekolah ini telah bertukar menjadi sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tunggal.

Jadual 3: Proses Penukaran Sistem Sekolah Menengah Cina kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Persendirian Cina.



Selepas tahun 1961, sebilangan sekolah menengah Cina yang menerima penukaran sistem itu mewujudkan bahagian sekolah menengah persendirian sampingan untuk mengambil pelajar yang gagal dalam peperiksaan kerajaan dan pelajar yang melepassi umur belajar yang ditetap oleh pihak kerajaan, atau pelajar yang tercicir dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan akibat gagal dalam Peperiksaan Awam yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Kemudiannya, bahagian sekolah menengah persendirian yang ditubuhkan ini berkembang secara beransur-ansur dan akhirnya berdikari dan wujud sebagai sekolah persendirian. Oleh itu, jumlah sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia pada hari ini ialah 60 buah. Sebanyak 37 buahnya terletak di Semenanjung Malaysia, dan 23 buah lagi berada di Sabah dan Sarawak (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Senarai Nama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia

Negeri	Nama Sekolah	Tahun Penubuhan
Johor	Sekolah Menengah Chong Hwa Sekolah Menengah Fon Yew Sekolah Menengah Chong Hwa Sekolah Menengah Pei Chun Sekolah Menengah Pei Hwal Sekolah Menengah China Sekolah Menengah Chong Hwa Sekolah Menengah Yong Peng	1912 1913 1918 1922 1929 1940 1951 1957
Kedah	Sekolah Menengah Keat Hwa Sekolah Menengah Sin Min (Alor Star) Sekolah Menengah Sin Min (Sungei Petani)	1911 1935 1957
Kelantan	Sekolah Menengah Chung Hwa	1918
Melaka	Sekolah Menengah Pay Fong	1913
Perak	Sekolah Menengah Yuk Choy Sekolah Menengah Tsung Wah Sekolah Menengah Pei Yuan Sekolah Menengah San Min Manjung Sekolah Tinggi Nan Hwa Sekolah Menengah Hua Lian Sekolah Menengah Poi Lam Sekolah Menengah Shen Jai Sekolah Menengah Yit Ching	1908 1911 1912 1929 1936 1937 1955 1958 1962
Pulau Pinang	Sekolah Menengah Chung Ling Sekolah Menengah Jit Sil Sekolah Menengah Perempuan China Persendirian Pulau Pinang Sekolah Menengah Phor Tay Sekolah Menengah Han Chiang	1917 1918 1920 1941 1950
Sabah	Sekolah Menengah Kian Kok Kota Kinabalu Sekolah Menengah Sabah Chinese Sekolah Menengah Beaufort Sekolah Menengah Papar Sekolah Menengah Tshung Tsin Sabah Sekolah Menengah Tshung Tsin Tenom Sekolah Menengah Lahad Datu Sekolah Menengah Pei Tsin	1963 1964 1965 1965 1965 1965 1969 1969

Sarawak	Sekolah Menengah Chung Hua No. 1 Sekolah Menengah Kiang Hing Sekolah Menengah Guong Ming Sekolah Menengah Kai Dee Sekolah Menengah Chung Hua No. 3 Sekolah Menengah Chung Hua No. 4 Sekolah Menengah Catholic Sekolah Menengah Citizen Sekolah Menengah Pei Min Sekolah Menengah Ming Lik Sekolah Menengah Min Lit Sekolah Menengah Riam Road Sekolah Menengah Wong Nai Siong Sekolah Menengah Serian Public	1945 1946 1952 1952 1958 1960 1960 1960 1962 1967 1967 1967 1967 1968
Selangor	Sekolah Menengah Chung Hua Sekolah Menengah Pin Hwa Sekolah Menengah Hin Hua Sekolah Menengah Kuang Hua	1912 1923 1947 1956
Sembilan	Sekolah Menengah Chung Hua (Seremban) Sekolah Menengah Chung Hua (Port Dickson)	1913 1914
Wilayah Persekutuan	Sekolah Menengah Confusian Sekolah Menengah Perempuan Kuen Ching Sekolah Menengah Tsun Jin Sekolah Menengah Chong Hwa	1906 1908 1914 1936

Sumber: Jawatankuasa Sekolah Menengah Persendirian Cina: Laporan Kajian Maklumat Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia, 1983, ms 2.

2.3

Sejarah Penghasilan Buku Teks Pertama Sekolah Menengah Persendirian Cina

Sekolah menengah persendirian Cina menegaskan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Ini adalah untuk mengelakkan kejanggalan yang timbul di mana buku-buku teks yang digunakan itu ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris tetapi pengajarannya pula dilakukan dalam bahasa Mandarin. Keadaan sedemikian hanya akan melemahkan kesan pengajaran bahasa Cina dan pembelajaran mata pelajaran lain.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Sekolah Menengah Persendirian Cina dalam Dong Jiao Zong telah menubuhkan satu “Jawatankuasa Penyusunan Sukatan Pelajaran Seragam” pada tahun 1976 demi memelihara warisan budaya kaum Cina dan memperkembangkan pendidikan Cina. Berdasarkan keperluan masyarakat dan kesedaran tentang perlembagaan negara, Jawatankuasa ini telah menyusun sukanan pelajaran yang seragam dan menghasilkan buku-buku teks pelbagai mata pelajaran untuk kegunaan sekolah menengah persendirian Cina pada awal 1977. Di antara, satu siri buku teks untuk Bahasa Cina juga diterbitkan. Siri teks tersebut itu telah diterbitkan pada tahun-tahun 80-an (lihat Jadual 5).

Jadual 5: Judul Buku, Tahun Terbitan, Terbitan Semula dan Penerbit Buku Teks Seragam Tingkatan Menengah Rendah

Judul Buku	Tahun Terbitan	Terbitan Semula
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Satu Jilid 1	1984	1985
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Satu Jilid 2	1984	1985
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Dua Jilid 1	1985	-
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Dua Jilid 2	1986	-
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Tiga Jilid 1	1987	-
Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah Tiga Jilid 2	1988	-

Sumber: Laporan Awal Sukatan Pelajaran Seragam Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia, 1990.

Walaupun sekolah menengah persendirian Cina menegaskan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar pengajaran untuk semua mata pelajaran, namun masih tiada kemajuan dari segi keberkesanan pengajaran, malah objektif yang ditetapkan turut tidak dapat dicapai, terutamanya dari aspek asas bahasa yang merangkumi kebolehan mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Dewasa ini, kelihatan juga ramai pelajar lepasan sekolah menengah persendirian Cina yang lemah dalam cara penyampaian bahasa.

Teks Pelajaran Seragam di sekolah persendirian Cina telah diperkenalkan selama 10 tahun, iaitu dari tahun 1984 hingga 1994. Pelbagai masalah yang timbul dalam penggunaan bahan pengajaran tersebut telah menyebabkan keputusan pengajaran secara keseluruhannya tidak menunjukkan kemajuan seperti yang diharapkan. Oleh itu, pada tahun 1992, Dong Jiao Zong telah mengadakan “Bengkel Perancangan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Persendirian Abad ke-21”. Bengkel ini membincangkan pembaharuan sukanan pelajaran bahasa Cina, bahan pengajaran, dan cara pengajaran masa akan datang. Objektif pengajaran bahasa Cina keseluruhan dan paduan pengajaran yang merangkumi keupayaan asas bahasa untuk tingkatan menengah rendah telah dirancang. Melalui perancangan ini, terhasillah “Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia”.

Sebaik sahaja Huraian Sukatan Pelajaran itu diedarkan, satu set buku teks bahasa Cina yang disusun mengikut topik latihan penguasaan keupayaan mendengar, bertutur, membaca, dan menulis mula dihasilkan. Set buku teks tersebut mula digunakan oleh semua sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia sejak tahun 1994 hingga ke hari ini.

Dalam perbincangan yang seterusnya, penyelidik akan menghuraikan secara ringkas tentang Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina agar konsep dan cara penghasilan bahan pengajaran bahasa Cina dapat difahami.

2.4 Pengenalan Ringkas Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina Kini

Sukatan Pelajaran Bahasa Cina merupakan panduan utama kepada penghasilan bahan pengajaran, proses pengajaran, ujian keputusan pembelajaran dan penilaian kualiti pengajaran. Sukatan Pelajaran Bahasa Cina telah dibentuk berdasarkan garis panduan pendidikan, ciri-ciri mata pelajaran, perkembangan rohani dan fizikal pelajar serta pelaksanaan pengajaran bahasa di sekolah menengah. Ia memainkan peranan sebagai satu rujukan dan piawaian untuk mata pelajaran bahasa Cina. Sukatan Pelajaran Bahasa Cina ini mengandungi 3 bahagian, iaitu objektif pengajaran, paduan pengajaran, dan kandungan pengajaran.

Berikut merupakan pengenalan ringkas terhadap kandungan sukatan pelajaran yang ditetapkan Dong Jiao Zong pada tahun 1994:

A. Objektif Pengajaran

Objektif pengajaran bahasa Cina sekolah menengah seperti yang tercatat dalam Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Dong Jiao Zong pada tahun 1994 menegaskan bahawa:

“Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah merupakan lanjutan Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah. Hal ini demikian agar para pelajar dapat mempelajari bahasa Cina secara efektif, berusaha berfikir dengan menggunakan bahasa Cina, dan dapat meluahkan pandangan dan perasaan mereka menerusi bahasa Cina.....Menerusi pembelajaran bahasa Cina, pelajar seharusnya dapat mengerti asal-usul budaya dan unsur-unsur tradisional bangsa Cina, berusaha memahami dan menghayati keindahan karya bahasa Cina klasik atau moden, lalu membina daya estetik yang baik. Pada masa yang sama juga, mereka dapat hidup secara harmoni bersama kaum lain dan mencintai tanah air.” (ms 1)

Jadi, pada dasarnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina bukan sahaja membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan, malah ia dapat melatih pelajar untuk menerapkan pengetahuan yang diperoleh itu dalam kehidupan mereka. Dua perkara penting telah dikenalpasti dalam konteks ini, iaitu:

1. Bahasa Cina merupakan alat untuk menyampaikan pandangan dan perasaan serta aktiviti pemikiran. Sememangnya bahasa berfungsi sebagai alat aktiviti pemikiran yang amat setara dengan paduan pengajaran sekolah menengah persendirian Cina. Ini adalah kerana bahasa Cina merupakan bahasa pengantar utama bagi setiap mata pelajaran di sekolah. Dengan menguasai bahasa Cina, pelajar akan berupaya menguasai kemahiran asas seperti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Penguasaan kemahiran asas ini pastinya akan mendatangkan kesan positif dalam proses pembelajaran di sekolah, begitu juga kesannya terhadap kerjaya pelajar pada masa muka.
2. Kepentingan pengajaran bahasa Cina dalam membentuk cara pemikiran pelajar turut disedari. Pelajar dapat dilatih untuk memahami asal-usul budaya dan unsur tradisional bangsa Cina. Mereka mampu memahami dan menghayati keindahan karya bahasa Cina klasik atau moden lalu membina daya estetik yang baik. Di samping itu, pelajar juga dapat hidup secara harmonis bersama-sama dengan kaum lain dan mencintai tanah air. Dalam sukanan pelajaran, dinyatakan secara jelas tentang ciri khusus pengajaran bahasa Cina dalam memupuk cara berfikir di sekolah. Perkara penting yang dinyatakan dalam Paduan Pengajaran ialah pengajaran bahasa Cina seharusnya dilakukan menerusi penggunaan semangat tersirat dalam karya secara beransur-ansur untuk mempengaruhi pemikiran dan

perasaan pelajar, sehingga menghasilkan golongan pelajar yang memiliki daya estetik yang tinggi. "Paduan Pengajaran" ini merupakan panduan tentang cara memperoleh pengetahuan dan pada masa yang sama mengamalkan pengetahuan tersebut.

B. Paduan Pengajaran

Paduan pengajaran mengasaskan objektif pengajaran. Demi mencapai objektif pengajaran, Sukatan Pelajaran pernah menyatakan bahawa :

"Paduan pengajaran yang paling penting dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina ialah mempertingkatkan kebolehan pelajar untuk mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dengan menggunakan bahasa Cina, serta melakukan aktiviti berfikir melalui bahasa Cina." (ms 1-2)

Di samping itu, pelajar juga seharusnya dapat menguasai pengetahuan yang asas tentang bahasa melalui pengajaran menurut sukanan pelajaran. Oleh itu, dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina yang disediakan Dong Jiao Zong, paduan pengajaran terhadap pengetahuan dan penguasaan bahasa tahap menengah tinggi dan menengah rendah telah dinyatakan secara jelas.

Paduan pengajaran tahap menengah rendah termasuklah:

1. Kemahiran Mendengar

Pelajar perlu dilatih untuk bersikap sabar dan sentiasa menumpukan perhatian terhadap pengajaran, mendengar dengan jelas dan

memahami tujuan pengajaran guru, mengetahui tajuk perbincangan, isi penting perbincangan serta menghayati keindahan dalam cara penyampaian.

2. Kemahiran Bertutur

Pelajar dilatih agar dapat membiasakan diri bertutur melalui Hanyu Pinyin, iaitu huruf fonetik bahasa Mandarin yang rasmi. Pelajar seharusnya dapat bertutur secara fasih dalam bahasa Mandarin, menyampaikan maklumat tentang apa yang dilihat, memperkenalkan sesuatu perkara atau seseorang, serta memberi pendapat dalam bahasa Mandarin.

Sebutan pelajar ketika bertutur seharusnya lantang, pertuturnya perlulah jelas, berstruktur, sistematik, tepat dan dapat menyampaikan isi-isi penting. Pertuturan pelajar perlulah berbunyi semula jadi dan bersopan santun.

3. Kemahiran Membaca

Pelajar perlu diajar untuk menguasai cara membaca yang efektif dan cara memperoleh pengetahuan melalui tabiat membaca. Pelajar seharusnya tahu cara mencatat nota untuk menambah keberkesanan pembacaan.

Melalui pembacaan, pelajar harus mampu menghayati tajuk utama bahan bacaan, memahami struktur kandungan, dan cara penyampaian bahan bacaan.

Apabila membaca jenis teks naratif, penerangan dan perbincangan, pelajar dapat memahami asas menulis karangan dan dapat menghafal mana-mana bahagian teks yang menarik dalam pelajaran. Apabila membaca teks klasik, pelajar dapat memahami isi kandungan dan mampu melafazkan sajak klasik Bahasa Cina yang terkenal.

Pelajar perlu dilatih untuk menghayati karya sastera seperti cerita dongeng, cerita teladan, cerita pari-pari, puisi, prosa dan novel. Pada masa yang sama, para pelajar juga perlu menguasai cara menggunakan kamus secara berkesan dan memupuk kebiasaan membaca buku dan surat khabar.

4. Kemahiran Menulis Karangan

Karangan yang ditulis oleh pelajar sepatutnya jelas dari segi susunan perenggan, struktur kandungan, dan tajuk utama. Di samping itu, pelajar perlu mengetahui cara menulis karangan jenis naratif tentang tempat, orang, pemandangan, dan perasaan. Mereka seharusnya dapat menulis karangan jenis penerangan yang mengisahkan benda statik dan benda dinamik serta menulis prosa perbincangan yang pendek, ringkas,

berisi dan beralasan kukuh. Pelajar dapat menulis mengikut kehendak, termasuklah membuat ringkasan memperkembangkan kandungan, mengubahsuai penulisan, dan melengkapkan karangan. Pelajar dapat menulis teks formal seperti surat, diari, notis, dan laporan membaca. Penulisan pelajar seharusnya lancar, tiada kesilapan penggunaan kata, menggunakan tanda baca yang betul, mengikut format yang betul, bahasa yang standard dan tersusun.

5. Kemahiran Berfikir

Kebolehan pelajar untuk berfikir haruslah dikukuh dan dipertingkatkan. Pelajar mampu meneliti keadaan sekeliling dan kehidupan, mengetahui cara betul untuk melafazkan perasaan mereka melalui penulisan, mengingati fakta-fakta melalui pembacaan serta berupaya menggambar dan menghubungkait ketika membaca dan menulis karangan.

6. Pengetahuan Asas Bahasa

Pelajar harus mempunyai pengetahuan am tentang tatabahasa, kesusastraan, dan jenis karya.

Kelihatan bahawa Paduan Pengajaran yang disediakan Dong Jiao Zong bukan setakat satu langkah lanjutan bagi melaksanakan objektif pengajaran, tetapi juga amat mementingkan latihan kemahiran bahasa.

Dengan ini kandungan pengajaran utama bagi setiap tingkatan menengah rendah telah ditentukan dalam sukanan pelajaran. Sukanan Pelajaran ini membolehkan penghasilan bahan pengajaran yang menjadi rujukan asas dalam penyusunan setiap mata pelajaran dan maklumat. Latihan kemahiran setiap tingkatan dilakukan secara beransur-ansur, iaitu bermula daripada tahap yang mudah sehingga ke tahap yang lebih sukar supaya kemahiran turut dipertingkatkan secara beransur-ansur. Latihan kemahiran ini disertakan dalam enam jilid buku. Setiap jilid buku dibahagi kepada lapan topik, setiap topik mengandungi satu unit latihan. Melalui unit latihan tersebut, paduan pembelajaran dan cara pembelajaran dinyatakan. Latihan juga dikemukakan (lihat Lampiran 6, 7 & 8).

C. Kandungan Pengajaran

Kandungan pengajaran dibahagikan kepada empat aspek utama, iaitu: teks pelajaran, latihan kemahiran, pengetahuan asas, dan ko-kurikulum. Daripada keempat-empat aspek yang disebutkan ini, teks pelajaran dianggap sebagai komponen paling penting dalam pengajaran bahasa. Jenis teks pelajaran yang dipilih adalah berdasarkan pengajaran pengetahuan dan keupayaan bahasa. Kandungan pengajaran pula seharusnya sejajar dengan pembentukan akhlak termasuk “memupuk akhlak yang mulia dan persepsi hidup yang betul di kalangan pelajar”, “memupuk semangat mematuhi undang-undang, bersikap demokratik, dan berfikiran saintifik”, “membangkitkan perasaan cintakan negara dan bangsa”, “mempertingkat kesedaran pelajar terhadap kebudayaan bangsa Cina dan

kebudayaan dunia serta mewarisi kebudayaan tradisional yang baik,” dan “membimbing pelajar untuk mengenali kaum-kaum di negara Malaysia serta menghormati cara hidup dan adat resam masing-masing untuk hidup secara aman damai dan bekerjasama.”

Pemilihan jenis karya untuk dimuatkan dalam buku telah dibuat sejajar dengan keperluan pendidikan pemikiran. Selain daripada karya sastera Cina (prosa, novel, puisi, cerita teladan, drama, dan teks klasik) dan karya terjemahan sastera luar negara, karya penulis tempatan yang mencerminkan kehidupan rakyat dan kemajuan sains di Malaysia turut disertakan, begitu juga dengan karya terjemahan tempatan kaum lain. Dalam sejumlah 150 pelajaran dalam buku teks Tingkatan Menengah Rendah, terdapat 82% karya moden dan 18% karya klasik. Huraian Sukatan Pelajaran yang disebut di atas disediakan berdasarkan keperluan pendidikan dan corak kehidupan rakyat Malaysia, dengan merujuk kepada satu “Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Tingkatan Rendah” (ditetapkan pada April 1992) yang diedarkan oleh Jawatankuasa Pendidikan Negara China.

Huraian Sukatan tersebut juga dijadikan satu rujukan penting bagi Dong Jiao Zong terhadap penghasilan bahan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan penilaian kualiti bagi satu tempoh masa tertentu. Ia telah memberikan penerangan dan panduan yang jelas bagi Dong Jiao Zong dari tiga aspek: pertama dari segi ciri-ciri mata pelajaran Bahasa Cina, makna dan bimbingan pemikiran Sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia; kedua dari segi tujuan

pengajaran bahasa di sekolah menengah, paduan, kandungan dan prinsip; ketiga dari segi pelaksanaan pengajaran setiap tingkatan dan penyusunan pelajaran.

2.5 Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina Kini

Bahagian Peperiksaan dan Bahagian Sukatan Pelajaran yang ditubuhkan oleh Dong Jiao Zong menunjukkan dalam Laporan yang disiapkan pada 24 Februari 1974 bahawa sekolah menengah persendirian Cina memikul tanggungjawab penting dan mempunyai dasar penubuhan sekolah yang sama, maka adalah perlu untuk menyeragamkan sukanan pelajaran demi mencapai objektif pendidikan yang sama.

Sekolah menengah persendirian Cina bertegas dengan penggunaan bahasa Cina mahupun teks yang ditulis dalam bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran. Menurut ketua panitia Jawatankuasa Penyusunan Sukatan Pelajaran Seragam Guo Mo Zhen, dipercayai bahawa jika buku-buku yang digunakan sama dengan sekolah menengah kebangsaan atau sekolah menengah jenis kebangsaan, iaitu buku yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kejanggalan akan timbul di mana bahasa pengantarnya ialah bahasa Cina manakala maklumat yang dibaca berada dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keadaan ini akan menyebabkan pengajaran bahasa Cina dan pembelajaran mata pelajaran lain menjadi kurang berkesan.¹¹ Oleh itu, Bahagian Sukatan Pelajaran menukuhkan Jawatankuasa Penyuntingan Sukatan Pelajaran

¹¹ Rujuk dalam Laporan Jawatankuasa Penyusunan Sukatan Pelajaran Seragam (1983.8:2)

Seragam pada tahun 1976 untuk menghasilkan buku teks seragam bahasa Cina bagi kegunaan sekolah menengah persendirian Cina. Dengan ini, perkembangan pendidikan bahasa ibunda dan budaya kaum Cina dapat dipelihara sejajar dengan keperluan masyarakat dan kesedaran perlembagaan negara, dan akhirnya mewujudkan budaya Malaysia. Buku teks yang seragam mula ditulis pada awal tahun 1977, proses ini melibatkan:

- (i) Jemputan pakar akademik dan guru sekolah menengah persendirian Cina untuk mengadakan seminar perbincangan, menetapkan sukanan pelajaran yang diperlukan oleh setiap mata pelajaran dan juga skop penulisan buku-buku berkenaan.
- (ii) Penulisan draf pertama mengikut bab dan mata pelajaran oleh para guru sekolah menengah persendirian Cina yang amat berpengalaman dalam pengajaran.
- (iii) Penyemakan draf pertama oleh pakar akademik dan guru, diikuti susun atur draf kedua berdasarkan draf pertama oleh pihak yang bertanggungjawab.
- (iv) Penyemakan dan pembetulan draf kedua oleh sekumpulan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pakar akademik dari institusi pengajaran tinggi, sebelum teks berkenaan diterbitkan.

Bermula dari tahun 1991, sejajar dengan pelaksanaan dasar terbuka

negara China, corak perkembangan ekonomi dunia mula tertumpu di kawasan Asia Pasifik, status dan nilai penggunaan bahasa Cina turut meningkat. Dengan ini, Bahagian Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Persendirian Cina telah mengemukakan paduan baru terhadap pengajaran bahasa Cina, supaya menyediakan sekolah menengah persendirian Cina bagi menghadapi corak perkembangan pendidikan baru dan masyarakat berteknologi maklumat pada abad ke-21. Langkah perancangan, penyesuaian dan pembaharuan yang teliti telah diambil terhadap sukanan pelajaran bahasa Cina, objektif pengajaran, kandungan pengajaran dan cara penggunaan bahan pengajaran.

Penyusunan kandungan buku teks bahasa Cina telah diubah dari struktur yang hanya terdiri daripada teks jenis naratif, penerangan dan perbincangan kepada struktur baru yang mengutamakan latihan dan perkembangan keupayaan berbahasa. Ciri-ciri utama struktur baru ini ialah:

a. Topik disusun mengikut latihan keupayaan bahasa

Unsur-unsur pengetahuan dan latihan keupayaan mendengar, bertutur, menulis dan berfikir dalam sukanan pelajaran telah disusun atur dalam 6 jilid buku teks. Setiap jilid buku teks dibahagi kepada 8 topik, setiap topik pula terdiri daripada satu unit latihan utama. Berdasarkan unit latihan ini, tajuk topik, paduan pembelajaran dan cara pembelajaran dinyatakan, teks pelajaran dipilih dan latihan diberikan. (lihat Lampiran 6, 7 & 8)

b. Set buku teks mempunyai struktur kesinambungan, mengamalkan corak latihan yang berkembang secara berperingkat

Teks Tingkatan Menengah Rendah Satu hingga Tingkatan Menengah Rendah Tiga bermula dengan topik latihan mendengar dan bertutur, diikuti topik kedua yang bersokus pada latihan menghayati karya sastera. Topik ketiga merupakan latihan berfikir manakala topik keempat dan topik kelapan merupakan latihan membaca karya klasik. Topik keenam, topik ketujuh dan topik kelima dalam jilid kelima dan jilid keenam teks Tingkatan Menengah Rendah Tiga melibatkan latihan membaca dan menganalisis. Topik kelima dalam jilid pertama teks Tingkatan Menengah Rendah satu hingga jilid keempat teks Tingkatan Menengah Rendah Kedua pula melibatkan latihan cara membaca.

Kesukaran setiap pelajaran dalam buku teks berkembang secara beransur-ansur dari jilid pertama di Tingkatan Menengah Rendah Satu hingga jilid keenam Tingkatan Menengah Rendah Tiga. Pelajaran-pelajaran ini berkesinambungan dan membolehkan latihan menjadi lebih efektif. Tambahan pula, pelajar tidak akan berasa bosan terhadap pelajaran memandangkan setiap topik dalam buku, bermula daripada topik pertama sehingga topik kelapan, melibatkan unit latihan yang berlainan.

C Latihan yang menyeluruh terhadap kebolehan berfikir, mendengar, bertutur, membaca, dan menulis

Misi penting dalam pengajaran bahasa Cina pada hari ini melibatkan latihan yang dapat memupuk keupayaan pelajar untuk mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Walau bagaimanapun, atas batasan keperluan masyarakat dan cara pemikiran para guru yang tertentu, pengajaran bahasa Cina di sekolah menengah persendirian Cina pada hari ini masih mengutamakan latihan membaca dan menulis dan mengetepikan latihan mendengar dan bertutur.

Sebenarnya, dalam masyarakat moden berteknologi maklumat, pertuturan merupakan cara komunikasi yang semakin penting. Dengan perkembangan teknologi komunikasi, cara bertutur dan menulis turut dimajukan, jadi paduan terhadap keupayaan bertutur dan mendengar semakin meningkat. Oleh itu, topik latihan yang melibatkan latihan mendengar dan bertutur telah disertakan dalam buku teks bahasa Cina edisi baru. Dengan cara ini latihan menyeluruh yang merangkumi keupayaan mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dilakukan.

Keupayaan berfikir pula merupakan salah satu kebolehan manusia dan asas kepada keupayaan bertutur dan menulis. Jadi topik khas seperti penulisan tentang pemerhatian dan pendapat, kebolehan menghubungkaitkan bacaan dengan penulisan serta daya imaginasi penulisan telah dimasukkan ke dalam buku teks edisi baru. Topik-topik khas ini merupakan sejenis latihan kebolehan pelajar untuk berfikir. Ia merupakan latihan berfikir melalui bahasa, kerana ia menggabungkan latihan membaca dan menulis.